

Khalil tidak perlu letak jawatan parti, kerajaan

BH 22 MAY 2001

KUALA LUMPUR, Isnin – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tidak perlu bagi Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob melepaskan jawatan dalam parti dan kerajaan walaupun ada laporan dibuat terhadapnya.

Perdana Menteri berkata, ini kerana siasatan mengenai kes terhadap Menteri Penerangan itu masih dijalankan.

“Tidak ada sebab (berbuat demikian)... kita tidak menemui apa-apa (lagi). Kita tidak mengambil keputusan terhadap nasib seseorang sebelum keputusan akhir (diketahui).

“Apa yang anda (wartawan) katakan ialah seseorang itu (sudah) bersalah sebelum didapati bersalah,” katanya selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, hari ini.

Terdahulu, seorang wartawan tempatan yang bertugas dengan agensi berita asing bertanya mengapa Khalil tidak diketepikan daripada jawatannya sedangkan beliau didakwa terbabit dengan amalan rasuah.

Sebelum ini, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Beserah, Datuk Fauzi Abdul Rahman, membuat laporan polis terhadap Khalil atas dakwaan melakukan penyelewengan dalam pemberian kawasan balak ketika menjadi Menteri Besar Pahang.

Malah, Fauzi yang juga Ketua Umno Bahagian Kuantan mendakwa berlaku politik wang dalam pencalonan jawatan ketua bahagian di Beserah, Mac lalu.

Berikutan aduan itu, MT yang bermesyuarat 31 Mac lalu mengambil keputusan menggantung mesyuarat bahagian berkenaan sehingga segala siasatan terhadap aduan itu selesai. MT turut menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk menyiasat segala aduan itu.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, mesyuarat MT hari ini belum dapat membincangkan aduan politik wang oleh Fauzi itu kerana laporan mengenainya (oleh Lembaga Disiplin) belum dikemukakan.

“Kita masih menunggu laporan,

ia belum dikemukakan lagi iaitu laporan akhir... maka kita belum dapat membuat keputusan,” katanya.

Katanya, MT turut mengarahkan supaya Umno Bahagian Siam di Sabah mengadakan semula mesyuaratnya.

Mesyuaratnya pada 29 April lalu digantung kerana berlaku beberapa kontroversi termasuk jumlah kertas undi melebihi jumlah perwakilan.

Selain itu, katanya, MT juga ber-setuju dengan cadangan supaya semua Ketua Bahagian mesti mengisytiharkan harta mereka selain tidak akan diberikan layanan oleh kerajaan jika ingin mendapatkan peluang perniagaan daripada kerajaan.

“Kita akan beritahu kerajaan, si polan ini adalah ketua bahagian dan sebarang perniagaan mereka dengan kerajaan tidak boleh diadakan. Namun, mereka bebas untuk menjalankan perniagaan mereka sendiri yang tidak terbabit dengan kerajaan,” katanya.